

Masalah banjir diatasi tahun depan

SEREMBAN – Masalah banjir kilat dijangka diatasi awal tahun depan apabila Majlis Perbandaran Seremban (MPS) selesai melaksanakan tiga fasa menaik taraf sistem perparitan kritikal khususnya di sekitar Jalan Dato' Sheikh Ahmad.

Yang Dipertua MPS, Abd. Halim Abd. Latif menjelas-

kan, fasa pertama sepanjang 70 meter berharga kira-kira RM400,000 sudah dilaksanakan, manakala fasa kedua sepanjang 200 meter dengan kos RM900,000 bermula bulan ini.

“Fasa ketiga sepanjang 100 meter berharga RM500,000 pula dijangka siap tahun depan.

“Antara lain kerja menaik taraf itu melibatkan pendalaman dan pembesaran sistem perparitan sedia ada bagi membolehkan air mengalir dengan lancar,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, longkang-longkang itu akan ditutup untuk membina laluan siar kaki serta menyediakan landskap sebagai

penambah seri bandar Seremban.

Abd. Halim ketika ditanya mengenai kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan di bandar Seremban, berkata, pihaknya memerlukan peruntukkan yang dianggarkan lebih daripada RM20 juta untuk menggantikan sistem yang sedia ada.